

BBK tingkat kepekaan terhadap bahasa Melayu

» Ketegasan perlu berterusan, tetapi kekalkan keterbukaan, kemesraan dengan masyarakat

Oleh Nazmi Yaakub dan Latifah Arifin
bhsastera@bh.com.my

Penganjuran sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2014 di seluruh negara dibuat dalam pelbagai bentuk, dari acara yang bersifat karnival kepada program yang lebih serius seperti diskusi dan syarahan, sekali gus dapat memperluaskan kesedaran umum mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, ilmu serta perpaduan.

Apatah lagi sejak BBK 2014 dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Putrajaya pertengahan bulan lalu, kesedaran umum berjaya dicetuskan apabila beliau menggunakan pentas pelancaran itu sebagai ruang terbaik untuk menegur penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam.

Pada majlis itu, beliau mengingatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya lebih bersungguh-sungguh dalam menguatkuasakan citra bahasa di tempat awam menerusi Undang-Undang Kecil Pengiklanan yang menggariskan keutamaan bahasa kebangsaan pada iklan, nama perniagaan, tempat, bangunan dan paparan awam lain.

Peka bahasa

Peringatan Muhyiddin itu bukan saja berjaya 'mengejutkan' PBT, bahkan membuka mata orang awam untuk lebih peka terhadap penggunaan bahasa kebangsaan dalam konteks rasmi, sekali gus menjadikan masyarakat sebagai pemerhati dan pengkritik yang terbaik untuk memberikan maklumat kepada badan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

BBK 2014 bukan saja dilancarkan pada peringkat kebangsaan, bahkan ia disemarakkan dengan 'pukulan gendang' di setiap negeri, kementerian dan institusi pendidikan yang mempunyai khalayak sasaran masing-masing.

Selain mengekalkan Kembara Bahasa yang menjelajah ke seluruh negara untuk membawa citra dan mencetuskan sensitiviti masyarakat terhadap usaha memartabatkan bahasa kebangsaan, BBK 2014 turut menampilkan Karnival Bahasa Jiwa Bangsa (BJB) yang bersifat lebih santai tetapi terus sampai kepada masyarakat.

Karnival dekati khalayak

Karnival BJB yang menampilkan program seperti persembahan teater, deklamasi puisi, bengkel sastera dan seni, forum, diskusi serta wacana digabungkan dengan acara yang dapat mendekatkan khalayak umum khu-

susnya generasi baharu dan pelajar seperti permainan, kuiz serta pertandingan.

Sementara itu, Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Awang Sariyan mengakui kesedaran masyarakat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semakin meningkat berdasarkan maklum balas dalam pelbagai program yang diadakan sempena sambutan BBK sepanjang bulan Oktober setiap tahun.

"Saya lihat tahap kesedaran masyarakat untuk memartabatkan bahasa Melayu semakin meningkat meskipun ada yang kelihatan merosot seperti iklan jawatan kosong Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara (MSN) yang menggunakan bahasa Inggeris.

"Ia tidak mematuhi ketetapan Per-kara 152 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan semua urusan rasmi kerajaan termasuk dokumen pengiklanan yang disebar kepada umum perlu menggunakan bahasa Melayu," katanya kepada *Sastera BH* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bagaimanapun, teguran DBP itu diterima oleh Kementerian Belia dan Sukan apabila Menteriinya, Khairy

"**Saya melihat BBK 2014 mencapai kejayaan lebih baik dan pada masa sama, kami akui pembabitan masyarakat pelbagai kaum perlu dipertingkatkan, walaupun semakin rancak penyertaannya daripada akar umbi terutama di peringkat negeri"**

Awang Sariyan,
Ketua Pengarah DBP

Jamaluddin Abu Bakar, memberikan penjelasan terhadap iklan berkenaan dan menegaskan pihaknya meletakkan huraian mengenai iklan jawatan kosong berkenaan dalam bahasa kebangsaan sebagai langkah susulan serta menyuarakan iklan itu menggunakan bahasa kebangsaan di akhbar *Berita Harian (BH)*.

Awang berkata, tanpa sambutan BBK yang dibuat secara besar-besaran sekali pun, hal berkaitan kesedaran dan sensitiviti memartabatkan bahasa Melayu perlu dipandang serius oleh semua pihak tanpa mengira sama ada kerajaan mahupun swasta.

Beliau turut berkongsi kegembiraannya kerana BBK 2014 diisi dengan pelbagai aktiviti dan kempen bahasa membabitkan masyarakat pelbagai kaum di seluruh negara, selain mendapat liputan luas media cetak dan elektronik.

Masyarakat pelbagai kaum

"Saya melihat BBK 2014 mencapai kejayaan lebih baik dan pada masa sama, kami akui pembabitan masyarakat pelbagai kaum perlu dipertingkatkan, walaupun semakin rancak penyertaannya daripada akar umbi terutama di peringkat negeri.

"Pengisian utama DBP setiap tahun dalam BBK, iaitu Kembara Bahasa juga berjalan dengan sempurna, bahkan lebih menakutkan ia turut mendapat perhatian Kementerian Kerja Raya yang menganjurkan acara sama di peringkat kementeriannya," katanya.

Bagaimanapun, usaha menyebar dan membangkitkan kesedaran terhadap usaha memartabatkan bahasa kebangsaan dalam semua aspek khususnya rasmi serta awam tidak boleh dibuat dalam ruang waktu terhad seperti BBK saja, sebaliknya berterusan sepanjang tahun.

DBP perlu memperlihatkan ketegasan terhadap isu yang berkaitan pelanggaran bahasa Melayu, tetapi pada masa sama, mengekalkan sikap terbuka dan mesra dengan semua pihak supaya usaha mengangkat bahasa kebangsaan dibuat dalam ranah keilmuan, sukarela dan semangat patriotik.



Antara aktiviti Karnival Bahasa Jiwa Bangsa.



BBK turut dilancarkan di setiap negeri supaya lebih tersebar di seluruh negara. [GAMBAR FATHIL ASRI / BH]



Pameran buku turut memeriahkan sambutan BBK dan Karnival BJB.



Acara santai sempena BBK menarik perhatian generasi baharu.